

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
RUJUKAN : BL1 [PR-1332-T68135]
SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan ke atas Projek River of Life (ROL) setakat ini dan senaraikan tempat-tempat di bawah projek ROL yang telah dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, Projek *EPP5: River of Life* (RoL) di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek RoL adalah untuk mencapai tahap kualiti air sungai Kelas IIB menjelang tahun 2020.

Secara keseluruhannya, Projek RoL terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu:

- a) Pembersihan sungai (*River Cleaning*);
- b) Pengindahan Sungai (*River Beautification*); dan
- c) Pembangunan Tanah (*Land Development*).

Pada masa ini, keseluruhan projek RoL telah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Bagi komponen Pembersihan sungai (*River Cleaning*) ia dilaksanakan di sepanjang 110 km di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang melibatkan tujuh (7) buah sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong dan Sungai Bunus.

Terdapat 13 inisiatif utama yang sedang dilaksanakan dan antara kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah seperti pemasangan perangkap sampah, menaik taraf kolam tadahan banjir, menaik taraf loji rawatan pembedungan dan menaik taraf sistem pembedungan.

Kesemua inisiatif ini melibatkan melibatkan 65 pakej. Sehingga 1 April 2015, sebanyak 32 pakej yang bernilai RM286.34 juta telah disiapkan dan 33 pakej lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan disiapkan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2020 termasuk dua (2) Program *Public Outreach* (POP) bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang pencemaran sungai.

Bagi mencapai Kelas IIB, sungai-sungai di bawah RoL perlu mencapai Indeks Kualiti Air sekurang-kurangnya 76.5%. Ketika ini, Indeks Kualiti Air masih di tahap 60.0% iaitu Kelas III dan ini merupakan satu peningkatan sejak RoL mula dilaksanakan bermula pada tahun 2011 di mana Indeks Kualiti Air ketika itu berada di bawah 50.0% iaitu Kelas IV dan Kelas V.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA :

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan ke atas projek naik taraf sistem paip dan bekalan air di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (2011 ke 2015)

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan khusus disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2010-2015 bagi projek naik taraf sistem paip dan bekalan air UKM memandangkan sistem paip dan bekalan air sedia ada masih lagi boleh digunapakai.